

02 MAY 1997

MB-Hassan

ABU HASSAN MENTERI BESAR SELANGOR YANG BARU

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar akan menjadi Menteri Besar Selangor yang baru, menggantikan Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib yang meletakkan jawatan pada 14 April lepas.

Pengumuman itu, yang menamatkan teka-teka tentang siapa pengganti Muhammad, dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada persidangan berita di pejabatnya tengah hari ini.

Sebelum itu, Anwar telah menghadap Sultan Selangor di Istana Green Lodge di Shah Alam.

Sultan Selangor telah memberi perkenan bagi pelantikan Abu Hassan.

Abu Hassan, 56, yang merupakan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, meletakkan jawatan Kabinetnya berkuatkuasa hari ini dan akan bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang yang kini dipegang oleh Jamaluddin Adnan.

Jamaluddin pula akan bertanding bagi kawasan Parlimen Kuala Selangor yang akan dikosongkan oleh Abu Hassan.

Anwar berkata Hassan dan Jamaluddin mengosongkan kerusi masing-masing berkuatkuasa hari ini.

"Kita serahkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) untuk menetapkan tarikh pilihan raya bagi kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Selangor itu, dan berharap Abu Hassan akan memenangi pilihan raya itu dengan cemerlang," kata Anwar yang juga Timbalan Presiden Umno.

Menurut Anwar, Perdana Menteri telah maklumkan kepada Setiausaha Kerajaan negeri Selangor supaya pentadbiran negeri Selangor berjalan seperti biasa semasa ketiadaan Menteri Besar sebelum Abu Hassan dilantik ke jawatan itu selepas memenangi pilihan raya kecil.

Dr Mahathir mahukan pentadbiran negeri Selangor berjalan lancar dan licin sementara menantikan Menteri Besar baru dilantik dan ditadbir tanpa menyentuh sebarang perubahan dasar yang besar, katanya.

Anwar berkata Perdana Menteri juga bersetuju jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna yang dikosongkan Abu Hassan kini dipangku oleh Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamad.

Anwar memberitahu pemberita: "Perdana Menteri menyerahkan kepada saya untuk mengumumkan nama calon Menteri Besar yang baru."

"Saya telah menghadap Sultan Selangor pagi tadi dan mengemukakan nama yang ditentukan Perdana Menteri iaitu Datuk Abu Hassan Omar dan nama itu diperkenan sultan," katanya.

Menjawab soalan pemberita tentang jawatan Abu Hassan sekarang, Anwar berkata: "Beliau kini menumpukan masanya di kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Permatang dan Parlimen Kuala Selangor."

Ditanya sama ada Dr Mahathir ada memberitahunya atas dasar apa Abu Hassan dipilih, Anwar berkata beliau tidak diberitahu apa-apa tetapi yakin Abu Hassan berpengalaman sewaktu berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan dan sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, dengan sendirinya beliau (Abu Hassan) merupakan seorang yang cukup senior dan berpengalaman.

Apabila ditanya sama ada pemilihan Abu Hassan itu bermakna anggota-anggota Exco dan Adun yang ada tidak sesuai untuk menyandang jawatan Menteri Besar, Anwar berkata: "Perkara itu tidak berbangkit kerana kita kena pilih salah seorang Adun dari Negeri Selangor. Jadi kita pilih Abu Hassan untuk bertanding memandangkan kelayakan beliau."

Anwar berkata beliau yakin Abu Hassan berkemampuan menstabilkan lagi politik negeri Selangor serta parti dan Kerajaan Negeri Selangor akan bekerja sebagai satu pasukan berdasarkan pengakuan anggota Exco dan seluruh anggota Badan Perhubungan Umno Selangor untuk memberi sokongan padu terhadap keputusan Perdana Menteri.

"Yang penting Abu Hassan adalah di antara tokoh politik di Selangor yang paling kanan, dan telah dapat mengendalikan beberapa krisis politik di negeri itu," katanya.

Mengulas kenyataan Sultan Selangor yang sering menyatakan bahawa baginda mahukan seorang Menteri Besar yang bersih dan jujur, Anwar berkata: "Yang bersih ramai, tapi kita buat pilihan ke atas Abu Hassan berdasarkan kepada pengalaman dan berupaya bekerja bagi faedah rakyat."

Apabila ditanya sama ada dengan peletakan jawatan Abu Hassan daripada kabinet itu satu rombakan Kabinet akan dilakukan, Anwar berkata soal itu terserah kepada Perdana Menteri bagi menentukannya.

-- BERNAMA
ZAB NMO